

SYARAT-SYARAT AM SEBUTHARGA :

1. Sebutharga **PDTL/PP/SH/07/2026** ini hanya **terbuka kepada:**

a) Kontraktor **G1** yang **bertaraf bumiputera** dan **berdaftar** dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB); dan

b) Berdaftar dengan Sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (SysP)

2. Kontraktor **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri lawatan tapak bagi sebut harga ini.

3. Kontraktor yang berminat diwajibkan mengemukakan dokumen-dokumen berikut bersama semasa lawatan tapak dan semasa mengemukakan dokumen sebutharga; iaitu:

a) Sijil **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)** yang **asal dan masih sah tempoh laku**

b) Sijil **Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** yang **asal dan masih sah tempoh laku**

c) Sijil **Taraf Bumiputera (STB)** yang **asal dan masih sah tempoh laku**

d) Salinan **resit pendaftaran/bayaran sysP** yang **masih sah tempoh laku**

e) Salinan **Sijil Pematuhan Cukai LHDN (TTC)** yang **masih sah tempoh laku**

f) Salinan penyata bank seperti dinyatakan

4. Kontraktor **diwajibkan memuat turun sendiri dokumen sebutharga** di dalam sistem SysP. Sebarang dokumen sebutharga yang difotokopi daripada kontraktor lain adalah tidak dibenarkan.

5. Kontraktor diwajibkan mendapatkan terlebih dahulu kebenaran khas daripada CIDB jika tidak mempunyai sub bidang berkenaan sebelum menghadiri lawatan tapak. sekiranya gagal, kehadiran lawatan tapak adalah tidak dikira.

6. Kontraktor yang gagal untuk mematuhi butiran seperti yang dinyatakan di Para 1-5 tidak akan dibenarkan untuk menyertai Sebutharga tersebut. Sebarang rayuan tidak akan dilayan.

Sesi pendaftaran :10.00Pagi sehingga jam 11.00Pagi

Sesi Taklimat : Bermula Jam 11.00Pagi

Sesi taklimat akan diadakan di:

**KEDAI KOPI MING HOOI
GAT LEBUH MACALLUM,
10300 GEORGE TOWN
PULAU PINANG**

Nota :-

Penolong Jurutera **berhak** untuk memanggil semula nama-nama kontraktor (untuk semakan) sekiranya dirasakan perlu sejurus tamat pendaftaran atau pun selepas tamat taklimat mengikut kesesuaian dan keselesaan. Sekiranya ketika dipanggil nama dan kontraktor tiada, kontraktor dianggap tidak menghadiri lawatan tapak ini adalah kerana taklimat merupakan sebahagian lawatan tapak yang **diwajibkan** dihadiri sebelum layak dipertimbangkan untuk menyertai sebutharga. sebarang rayuan tidak akan dilayan